

# **BAB 3**

## **MEMAKNAKAN FAHAM KEAMANAN DALAM KERANGKA MALAYSIA PASCAMERDEKA**

*Noor Hisham Md Nawi*

### **PENDAHULUAN**

Dalam sisi-sisi tertentu Malaysia sering disebut sebagai negara Islam yang berjaya dengan model dan kerangkanya yang tersendiri. Salah satu daripadanya ialah keadaan aman yang dinikmati oleh rakyat Malaysia. Malahan suasana keamanan di Malaysia dengan wujudnya kepelbagaian bangsa dan agama adalah sesuatu yang diiktiraf di peringkat global. Penulisan ini bertujuan untuk menyemak semula idealisme keamanan dalam kerangka Malaysia secara kritikal dengan menggunakan pendekatan falsafah dialektik yang mengandungi tiga proses utama iaitu analisis, sintesis dan kritis. Untuk memandu penulisan ini, tiga proses utama sebelumnya akan melalui susunan tiga soalan yang ditetapkan. Dalam perbincangan tersebut, konsep keamanan, tujuan dan implikasinya kepada rakyat dan negara akan disorot secara kritikal dari beberapa perspektif utama iaitu sejarah kemerdekaan negara, sosiopolitik, dan sosioekonomi mengikut acuan pengalaman Malaysia. Di penghujung penulisan, beberapa saranan berkaitan akan dikemukakan.

### **GAMBARAN UMUM KONSEP KEAMANAN**

Istilah keamanan menurut banyak kajian literatur sangat kabur. Kelompok tradisional melihat keamanan secara eksklusif dalam konteks ketenteraan dan berorientasikan negara. Pandangan ini disanggah oleh kelompok “wideners” dan “deepeners” yang melihat keamanan bukan hanya setakat